

SUSULAN LAPORAN PANTAI HILANG EMPAT METER SETAHUN

Terengganu, Sarawak paling kritikal

BH 17/9/2017, ms 12

→ Aktiviti manusia 'pencetus' hakisan burukkan lagi keadaan

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Terengganu adalah negeri paling serius diancam hakisan dengan diletakkan dalam kumpulan paling kritikal iaitu Kategori 1 dengan bencana alam itu berlaku sepanjang 12.3 kilometer.

Pantai dan tebing di negeri itu merekodkan hakisan terburuk sehingga 50 meter.

Menurut laporan terbaru Kajian Hakisan Pantai Kebangsaan, lapan lokasi hakisan di Terengganu iaitu

di utara dan selatan Kampung Teluk Budu, Besut; Taman Geliga, dan Pantai Kemasik, Kemaman, Pantai Seberang Takir, Kampung Pak Tuyu, Kampung Aur, Kuala Terengganu serta Pantai Paka dan Pantai Teluk Lipat, Dungun.

7 lokasi terhakis di Sarawak

Sarawak juga dikesan mengalami hakisan di tujuh kawasan iaitu timur laut Sungai Maludam, Tanjung Paloh, Kampung Semarang dan Sebangon Bajong di Betong; Selatan Tanjung Bungai, Miri serta Kampung Sentubong dan Kampung Buntai, Kuching, dengan jumlah keseluruhan sehingga 18.6 kilometer.

Kedua-dua negeri itu paling teruk mengalami hakisan akibat perubahan cuaca terutama ketika musim monsun, selain paling hampir dengan Laut China Selatan yang mempunyai arus laut yang deras.

Masalah itu semakin kritikal apabila pembangunan tidak dirancang



Pembangunan di situ menyebabkan arus laut yang membawa sedimen seperti pasir sehingga menghakis daratan"

Ahmad Khairi Abd Wahab,
Pengarah COEI UTM

dengan bijak menyebabkan alam sekitar berhampiran kawasan sekitar terjejas teruk seperti di beberapa kawasan di Terengganu.

Isnin lalu, BH melaporkan empat negeri mengalami hakisan kritikal iaitu Kelantan, Johor, Pahang dan Melaka.

Jejas infrastruktur

Sementara itu, Pengarah Pusat Kejuruteraan Pantai dan Lautan (COEI) Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Dr Ahmad Khairi Abd Wahab, berkata Terengganu berisiko tinggi berlaku hakisan disebabkan menghadap Laut China Selatan dan bertambah buruk jika ada pembangunan tidak dirancang dengan sempurna seperti pamanjangan landasan Lapangan Terbang Sultan Mahmud.

"Kami pernah merekodkan kesan hakisan di pantai sebelah utara lapangan terbang itu yang menyebabkan kehilangan daratan sehingga 50 meter pada 2014.

"Itu amat membimbangkan kerana boleh menjejaskan infrastruktur yang ada, selain petempatan penduduk. Kesannya boleh dilihat sehingga ke hari ini," katanya.

Arus hakis daratan

Ahmad Khairi berkata, pembangunan di situ menyebabkan arus laut yang membawa sedimen seperti pasir sehingga menghakis daratan, pantai, jambatan, kampung nelayan, tanah rumah dan kemudahan lain.

"Ketika ini situasi di situ terkawal apabila kerajaan melakukan langkah proaktif seperti memasang benteng pemecah ombak dan batu-bata di sekitar tebing.

"Garis tebing dan pantai tetap berubah melalui proses hakisan dan pemendapan secara semula jadi namun aktiviti manusia yang menjadi 'pencetus' hakisan itu bertambah buruk sehingga membahayakan banyak pihak," katanya.

Penduduk rayu kerajaan ambil tindakan segera

Kuala Nerus: Penduduk di beberapa daerah yang mengalami hakisan pantai yang kritikal di negeri ini merayu kerajaan mengambil tindakan segera menangani masalah berkenaan.

Antara kawasan yang terjejas teruk ialah daerah ini, Marang dan Setiu. Beberapa kawasan di daerah itu paling teruk terjejas akibat masalah hakisan pantai yang berlarutan lebih 10 tahun lalu.

Pantai Tok Jembal, Telok Ketapang dan Tanjung Gelam di sini, kawasan Pantai Rhu Renggeh sehingga Kelulut di Marang dan sekitar Pantai Rhu dekat Kampung Bari Kecil di Setiu, kini semakin parah.

Bukan saja jalan yang terhakis, kawasan kediaman turut terjejas.

Penduduk yang semakin tidak tenteram berikutan masalah hakisan pantai sehingga menyebabkan mereka terpaksa berpindah, memohon kerajaan negeri segera membina benteng pemecah ombak.

Walaupun Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri membina tambakan batu bagi menghalang hakisan merebak ke kawasan perumahan, mereka masih bimbang kerana ia semakin hampir teru-



Kami bimbang jika hakisan terus berlaku, ia boleh menjejaskan jalan tar yang baharu dibina serta Tanah Perkuburan Islam Kampung Bari Kecil yang terletak kira-kira 20 meter dari pantai"

Daud Seman,
Penduduk Kampung
Bari Kecil

tama setiap kali ribut dan ombak pasang besar.

Hakisan semakin serius

Penduduk Kampung Bari Kecil, Daud Seman, 76, berkata hakisan pantai sejak tiga tahun lalu semakin serius selepas banjir awal tahun ini.


"Sebelum ini ada sebuah wakaf berhampiran pantai, namun terpaksa dipindahkan ke seberang jalan kerana tapak asalnya terhakis.

"Kami bimbang jika hakisan terus berlaku, ia boleh menjejaskan jalan tar yang baharu dibina serta Tanah Perkuburan Islam Kampung Bari Kecil yang terletak kira-kira 20 meter dari pantai," katanya.

Penduduk di Kampung Gelam yang kawasan rumahnya terjejas akibat hakisan pantai tiga tahun lalu, Nurul Akhtar Che Mohd Taib, 34, berkata dia sekeluarga risau menjelang musim tengkujuh kerana bimbang peristiwa pada 2015 berulang.

"Pada Disember 2015, kawasan rumah kami terhakis lebih 15 meter dan pagar rumah hanyut dibawa ombak kuat. Mujur tindakan pantas pihak berwajib mengelakkan hakisan lebih teruk," katanya.

(FOTO NURULJANNAH ANAMSTR/BH)



Keadaan Pantai Mengabang Telipot di Kuala Nerus yang terjejas akibat hakisan.

[FOTO ABDULLAH YUSOF/BH]

SUSULAN LAPORAN PANTAI HILANG EMPAT METER SETAHUN

Bendang bertukar lautan

BH. 14/9/2017 ms. 13

→ Pemilik hilang separuh tanah sawah akibat hakisan ombak

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim, Shamsul Kamal Amarudin dan Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi
bhnews@bh.com.my

Parit Buntar

“Dulu saya ada tanah enam hektar tapi sekarang tinggal tiga hektar sahaja... yang lain sudah jadi laut,” kata Che Tah Abdullah sambil menunjukkan tanah sawah padi miliknya yang ditenggelami air laut.

Che Tah, 67, antara pemilik tanah di Kampung Sungai Baharu di tepi pantai Ban Pecah, Tanjung

Piandang di sini, yang kehilangan sebahagian atau keseluruhan tanah selepas kawasan itu ‘ditelan’ laut akibat hakisan ombak yang kuat sejak berpuluh-puluh tahun lalu.

Sawah padi mengecil

Sambil menunjukkan slip bayaran cukai tanah yang hanya berbaki tiga hektar, warga emas itu mengakui sedih apabila kawasan sawah padi mengecil.

“Tak sangka boleh jadi seperti ini tapi apa nak buat kami reda sajalah,” katanya ketika membawa penulis dan jurugambar meninjau kawasan berkenaan.

Tinjauan mendapati kawasan



Che Tah menunjukkan slip bayaran cukai tanah sawah padi yang berbaki tiga hektar di Kampung Sungai Baharu, Parit Buntar.



Sebelum kawasan ini ditenggelami air laut, ada kira-kira 10 rumah di situ, yang akhirnya semuanya berpindah bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini”

Nordin Mat Desa, Ahli JKKK Sungai Baharu

itu sudah dibina benteng penahan hakisan baharu yang kukuh bagi mengelak hakisan. Bahagian belakangnya ada tali air dan baki kawasan sawah padi yang masih diusahakan penduduk.

Penghuni terpaksa berpindah

Sementara itu, Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Sungai Baharu, Nordin Mat Desa, berkata kawasan yang tenggelam itu boleh dikesan menerusi struktur dua pintu air lama yang boleh dilihat ketika air laut surut.

Pintu air pertama terletak kira-kira 1.5 kilometer dari benteng yang ada sekarang dan dulunya

ditumbuhi pokok api-api.

Pintu air kedua pula terletak kira-kira 800 meter dari benteng dan di belakangnya dahulu kawasan sawah padi tetapi sudah ‘ditelan’ laut hinggalah ke benteng baharu yang disiapkan pembinaannya tahun lalu.

“Ia menjadi bukti kejadian itu. Sebelum kawasan ini ditenggelami air laut, ada kira-kira 10 rumah di situ, yang akhirnya semuanya berpindah bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini,” katanya.

“Dengan adanya benteng mencegah hakisan sepanjang lapan kilometer yang dibina dengan kos RM50 juta, kami berharap masalah hakisan dapat diatasi,” katanya.

JPS Perak tebus guna semula tanah terhakis

[FOTO MUHAIZAN YAHYA/BH]



Jajaran ban batu dibina bagi mencegah hakisan di Pantai Sungai Belukang, Bagan Datuk.

Bagan Datuk: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perak akan menebus guna semula sebahagian daripada tanah yang terhakis dan ditenggelami air laut akibat banjir besar sehingga mengakibatkan ban atau benteng pecah, di kawasan pantai Sungai Belukang di sini.

Jurucakap JPS berkata, kira-kira 800 hektar daripada keseluruhan 3,000 hektar tanah di kawasan itu yang ditenggelami air laut dalam kejadian pada 1995, dijangka boleh ditebus guna semula.

Katanya, proses pemulihan itu dijangka mengambil masa antara 10 hingga 15 tahun iaitu dengan mengambil kira proses untuk menetralkan semula komposisi tanah daripada air masin kepada air tawar.

“Kawasan berkenaan yang mengunjur dari kawasan kampung Sungai Batang hingga ke Tebuk

Fakta nombor

5.6 KILOMETER

Panjang ban dibina di kawasan Pantai Sungai Belukang

RM9.7 JUTA

Kos membina ban

Semani adalah tanah yang ada pemilik.

Hakisan terlalu kuat

“Bagaimanapun, ada kawasan yang tidak dapat diselamatkan kerana hakisan terlalu kuat,” katanya sambil menjelaskan pihaknya mendapat maklumat kawasan itu boleh dibangunkan semula dengan projek akuakultur.

Ketika ini, JPS sudah membina ban menerusi Rancangan Tebatan Banjir sejauh 5.6 kilometer di kawasan berkenaan menggunakan tanah merah berbatu dikenali sebagai laterite soil dan bongkah batu dikenali sebagai armor rock, membabitkan kos RM9.7 juta.

Sementara, hakisan di kawasan kampung Sungai Tiang di sini hanya membabitkan tanah rizab JPS dan sudah dibina ban dengan kos RM8 juta serta tiada tanah milik penduduk terbabit.